TEFIN GEL

Terbinafine (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TEFIN GEL
2. Bagaimana TEFIN GEL berfungsi
3. Sebelum mengunnakan TEFIN GEL
4. Cara menggunakan TEFIN GEL
5. Semasa menggunakan TEFIN GEL
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TEFIN GEL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang TEFIN GEL. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ubat ini berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan TEFIN GEL

TEFIN GEL digunakan untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit.

Bagaimana TEFIN GEL berfungsi

Terbinafine merupakan ubat dalam kumpulan Allylamine yang mempunyai aktiviti yang luas dalam jangkitan kulat pada kulit. Ia berfungsi dengan membunuh kulat yang menyebabkan masalah kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan TEFIN GEL

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengunakan TEFIN GEL sekiranya:

- Anda hipersensitif terhadap ubat yang mengandungi Terbinafine atau bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini
- Anak anda berusia berumur 2 tahun ke bawah kerana persediaan ini mengandungi Benzyl Alcohol.

-Sebelum mula menggunakan

Kehamilan dan penyusuan badan:

Terbinafine dirembeskan dalam susu ibu, dan oleh itu ibu tidak harus menggunakan TEFIN GEL ketika menyusukan bayi. Bayi juga tidak harus bersentuhan dengan mana-mana kulit dirawat, termasuk dada.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain termasuk produk tanpa preskripsi.

Cara menggunakan TEFIN GEL

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak yang berumur 2 tahun ke atas:

- Bersihkan dan keringkan kulit yang terjangkit dan kawasan sekitarnya, dan basuh tangan anda
- Buka penutup dan jika anda menggunakan gel untuk kali pertama, gunakan muncung penutup untuk menebuk bahagian atas tiub.
- Perlahan-lahan menekan tiub untuk menyapu lapisan nipis gel pada kulit yang terjangkit dan kawasan sekitarnya.
- Perlahan-lahan gosok gel ke dalam kulit.
- Letak balik penutup pada tiub
- Basuh tangan anda selepas menggunakan gel, jika tidak, anda boleh menyebarkan jangkitan kepada bahagian-bahagian lain pada kulit anda sendiri atau kepada orang lain.

Untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan sentuhan dengan mata. Jika sentuhan berlaku, bilas dengan air sehingga bersih.

-Bila perlu digunakan

Sapu TEFIN GEL sekali dalam sehari.

-Berapa lama perlu digunakan

Sapu TEFIN GEL selama seminggu. Rawatan sepatutnya diteruskan selama 2 minggu selepas semua tanda dan gejala telah hilang. Ini akan menghentikan jangkitan dari kembali.

Jika keadaan betambah buruk atau tiada perubahan dilihat selepas 4 minggu, berunding dengan doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jika ia menghampiri waktu untuk dos yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika beberapa kali anda terguna lebih daripada yang anda perlu, jangan bimbang. Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia

boleh membuat anda tidak sihat. Berunding dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan TEFIN GEL

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil TEFIN GEL.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan pada mata dan membran mukus (untuk kegunaan luar sahaja).

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan dan sila rujuk dengan doktor.

Kebersihan adalah penting dalam pengurusan penyakit kulat, terutamanya pada lipatan kulit dan kaki.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan Terbinafine termasuk kulit mengelupas, gatal-gatal di tempat sapuan, rasa pedih, hangat, bengkak, lepuh dan gatal-gatal.

Jika kesan sampingan menjadi semakin teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan TEFIN GEL

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

TEFIN GEL adalah gel putih legap likat dengan bau tertentu. Ia boleh didapati dalam tiub 15g.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif**:**
Terbinafine Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif:
Benzyl Alcohol, Butylated Hydroxytoluene, Isopropyl Myristate, Sorbitan Laurate, Polysorbate 20, Carbomer, Alcohol, Sodium Hydroxide dan Purified Water.

-Nombor MAL:
MAL11075006X

Pengilang:
HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:
HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :
17/07/2024

Nombor Siri:
NPRA(R2/1)240716/1305